

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah kementerian bercadang mengecilkan jumlah anggota tentera kerana menerima tekanan daripada luar dan juga akibat dari kekurangan dana daripada Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan kesiapsiagaan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berada ditahap yang terbaik bagi memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dalam menghadapi pelbagai ancaman yang merentasi pelbagai spektrum sama ada ancaman berbentuk tradisional mahupun ancaman bukan tradisional.

Justeru, bilangan anggota tentera yang sedia ada adalah jumlah yang sewajarnya berdasarkan kepada penugasan dan senario ancaman semasa. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji keperluan keanggotaan dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan geopolitik serantau serta isu-isu persempadanan yang ada sekarang.